

BAB 4

ANALISA PENGHAKIMAN MAHKAMAH TINGGI Malaysia DALAM KES PENGUNAAN KALIMAH ALLAH

4.1 Pengenalan

Pada bulan Mac 2021, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah mengeluarkan satu keputusan yang membenarkan penggunaan kalimah Allah dan beberapa kalimah lain dalam penerbitan agama Kristian juga sistem pendidikan mereka. Kes yang sama juga pernah berlaku pada tahun 2009 iaitu berhubung dengan penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan *The Herald* yang dimiliki oleh gereja Katolik. Kes-kes ni telah menimbulkan keresahan, konflik dan perdebatan yang berpanjangan antara penganut agama Islam dan agama Kristian di semenanjung Malaysia. Keputusan ini juga telah menimbulkan persoalan dan pertikaian dari institusi Islam, ulama', sultan serta badan-badan bukan kerajaan Islam yang kurang berpuas hati dengan keputusan tersebut. Memandangkan isu ini melibatkan kes-kes mahkamah di Malaysia, oleh itu sebelum keputusan ini dikaji menurut perspektif *maqāsid shari'ah*, penyelidik merasakan wajar kes-kes ini dikaji dari segi fakta kes, hujah-hujah pemohon dan responden serta alasan penghakiman yang digunakan bagi mendapatkan input-input penting sebelum dikaitkan dengan *maqāsid shari'ah*. Bab ini akan dimulakan dengan kajian kes bagi penggunaan kalimah Allah oleh Titular Roman Catholic Archbishop pada tahun 2009 kemudian diikuti oleh kes penggunaan kalimah Allah dalam audio CD milik Jill Ireland Lawrence Bill yang diputuskan keputusannya pada tahun 2021.

4.2 Kes Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur v Menteri Dalam Negeri & Ors

Kes Titular Roman Catholic berhubung majalah akhbar mingguan penganut Kristian iaitu *The Herald* merupakan kes pertama di Malaysia yang melibatkan penggunaan kalimah Allah oleh penganut bukan Islam. Kes ini telah menyebabkan tercetusnya dialog-dialog bebas antara penganut Islam dan penganut Kristian. Sebelum penulis mengkaji keputusan bagi kes-kes kalimah Allah menurut *maqāṣid shari'ah*, dalam sub bab ini penulis akan menelusuri fakta kes bagi kes Titular Roman Catholic Archbishop, isu dalam fakta kes, hujah pemohon dan responden serta keputusan mahkamah bagi kes tersebut.

4.2.1 Fakta Kes

Pemohon dalam kes ini adalah Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur yang merupakan penerbit bagi majalah akhbar mingguan '*The Herald—the Catholic Weekly*' (*the herald*). *The Herald* diterbitkan oleh Bishops di Semenanjung Malaysia dengan permit penerbitan yang dikeluarkan oleh responden pertama di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (selepas ini disebut 'akta'). Responden pertama merupakan menteri yang bertanggungjawab dalam hal berkaitan dengan penerbitan dan pengedaran penerbitan di bawah akta. Responden kedua adalah Kerajaan Malaysia, manakala responden ketiga hingga tujuh dan responden ke sembilan adalah Majlis Agama Islam Negeri Terengganu, Wilayah Persekutuan, Melaka, Johor, Kedah dan Selangor. Responden kelapan pula adalah Persatuan Cina Muslim Malaysia.

Kes bermula apabila pada 30 Disember 2008 pemohon telah mendapat surat *vide* permit penerbitan daripada Menteri yang membenarkan penerbitan *The Herald*

dalam 4 bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Tamil dan Bahasa Cina.

Permit itu tertulis seperti dibawah:

KELULUSAN PERMOHONAN PERMIT PENERBITAN.

...

2. Sukacita dimaklumkan permohonan tuan telah diluluskan dengan bersyarat seperti butiran di bawah:

- (i) Penerbitan dalam Bahasa Melayu tidak dibenarkan sehingga keputusan mahkamah berkaitan kes penggunaan kalimah 'ALLAH' diputuskan.
- (ii) Penerbitan ini hendaklah dijual di gereja sahaja.
- (iii) Di muka surat depan majalah mestilah memaparkan 'Bacaan ini hanya untuk penganut agama Kristian sahaja'.

Pemohon yang terkilan dengan syarat diberikan oleh menteri telah menulis surat vide bertarikh 2 Januari 2009 meminta menteri untuk mempertimbang semula keputusan dan membatalkan syarat-syarat yang diberikan. Mereka menyatakan bahawa syarat tersebut telah melangkau hak mereka dalam kebebasan bersuara dan melarang mereka sebagai warganegara untuk bersuara dan bertutur dalam bahasa kebangsaan yang mana ia bertentangan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1967.

Menteri telah memberi maklum balas surat vide bertarikh 7 Januari 2009 kepada pemohon selepas mempertimbang semula keputusannya, meluluskan permit penerbitan dengan syarat bahawa pemohon adalah dilarang menggunakan kalimah Allah berdasarkan kepada naratif yang dikeluarkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 1986 yang melarang penggunaan kalimah Allah, 'Kaabah', 'Solat' dan 'Baitullah' dalam penerbitan selain Islam. Surat tertulis:

KELULUSAN PERMOHONAN PERMIT PENERBITAN

'HERALD -- THE CATHOLIC WEEKLY'

...

2. Untuk makluman pihak tuan, Bahagian ini telah membuat pertimbangan semula ke atas kelulusan permohonan permit penerbitan

bagi penerbitan dengan tajuk di atas dan keputusannya adalah seperti berikut:

(i) Permohonan penerbitan dalam Bahasa Melayu adalah dibenarkan, namun demikian, penggunaan kalimah 'ALLAH' adalah dilarang sehingga mahkamah membuat keputusan mengenai perkara tersebut.

(ii) Di halaman hadapan penerbitan ini, tertera perkataan 'TERHAD' yang membawa maksud penerbitan ini adalah terhad untuk edaran di gereja dan kepada penganut Kristian sahaja.

3. Sehubungan ini, kelulusan dengan bersyarat yang telah dikenakan ke atas penerbitan ini pada 30 Disember 2008 (Ruj Kami: KDN: PQ/PP 1505(8480) (101) adalah dengan sendirinya terbatal.

Meskipun syarat yang tertulis tersebut telah dilonggarkan, namun ia masih melarang penggunaan kalimah Allah dalam penerbitan *The Herald* Bahasa Melayu dan penyebarannya hanya terhad kepada gereja dan mereka yang menganut agama Kristian. Pemohon yang tidak berpuas hati dengan syarat yang dikeluarkan telah memohon perintah *certiorari* bagi membatalkan keputusan responden pertama. Dalam membatalkan keputusan responden pertama, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa keputusan itu adalah menyalahi undang-undang dan tidak berpelembagaan dan bahawa pemohon mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan kalimah Allah. Walau bagaimanapun, Mahkamah Rayuan telah mengetepikan perintah-perintah dan keputusan-keputusan Mahkamah Tinggi. Keputusan responden pertama untuk

mengenakan syarat ke atas *The Herald* terkandung dalam ruang lingkup fungsi dan kuasa statutori Menteri, dan adalah intra vires Perlembagaan, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ('Akta') atau Kaedah-Kaedah. Dalam rayuan ini, pemohon berhujah bahawa terdapat ketidakpastian tentang punca kuasa yang mana responden pertama mengenakan syarat-syarat dan larangan-larangan yang dipersoalkan. Mahkamah Rayuan dalam menentukan kemunasabahan keputusan responden pertama, telah mengguna pakai ujian subjektif yang salah dan bukan ujian objektif; dan persoalan-persoalan serta isu-isu yang dikemukakan kepada Mahkamah Persekutuan telah melepasi ambang s 96(a) atau (b) Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('AMK').

4.2.2 Isu dalam Fakta Kes

Isu dalam kes ini tersebut seperti berikut:

- (a) Adakah larangan penggunaan perkataan Allah oleh Akhbar *The Herald* bersalahan dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara:
 - (i) Perkara 3(1) - Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan.
 - (ii) Perkara 10 - Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.
 - (iii) Perkara 11 (4) - Undang-undang Negeri, dan berkenaan dengan Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, undang-undang persekutuan boleh mengawal atau menyekat pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan orang yang menganuti agama Islam.
 - (iv) Perkara 12 - Hak berkenaan dengan pendidikan

(b) Adakah larangan penggunaan nama Allah oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersalahan dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

4.2.3 Hujah Pemohon dan Responden

1. Hujah Pemohon

Kedudukan pemohon adalah:

- (a) Larangan itu adalah menyalahi undang-undang, batal dan tidak sah kerana pihak berkuasa kerajaan telah bertindak melanggar prinsip undang-undang pentadbiran maka keputusan itu adalah ultra vires;
- (b) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 tidak memberi kuasa kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN) melarang *The Herald* menggunakan istilah Allah.
- (c) Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan melindungi hak mereka untuk mengamalkan agama mereka dengan aman dan damai, ini bermakna mereka mempunyai hak untuk menggunakan perkataan Allah;
- (d) Perkara 3(1) tidak memberi kuasa kepada responden untuk melarang pemohon daripada menggunakan perkataan Allah;
- (e) Pemohon mempunyai hak untuk menggunakan perkataan Allah dalam melaksanakan haknya dalam kebebasan bersuara di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan;
- (f) Pemohon mempunyai hak untuk menggunakan perkataan Allah dalam melaksanakan haknya dalam kebebasan beragama di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan;
- (g) Pemohon mempunyai hak untuk menggunakan perkataan Allah dalam melaksanakan haknya untuk menubuhkan dan mendidik jemaah Katolik dalam agama Kristian di bawah Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan.

2. Hujah Responden

Pihak berkuasa kerajaan berhujah bahawa: (i) menteri telah bertindak mengikut bidang kuasanya dalam undang-undang; (ii) bahawa keputusan itu adalah sah dan munasabah; dan (iii) larangan tersebut adalah dengan mengambil kira keselamatan awam dan ketenteraman awam. Dalam menyokong hujah mereka berkenaan mengganggu ketenteraman awam, pihak berkuasa kerajaan telah berhujah bahawa Malaysia adalah sensitif dalam hal yang melibatkan agama secara umumnya dan penggunaan kalimah Allah secara khususnya. Mereka berhujah lagi bahawa kalimah Allah merupakan kalimah suci bagi umat Islam sebagai nama tuhan mereka dan merujuk kepada Yang Maha Satu, oleh itu kalimah tersebut tidak boleh dijadikan sebahagian daripada konsep trinititi yang dipercayai oleh penganut agama Kristian. Penggunaan kalimah Allah sebagai tafsiran *God* mungkin mengganggu keharmonian di antara penganut agama Islam dan Kristian.

Responden- responden yang selebihnya menerima pakai hujah pihak berkuasa kerajaan dan menekankan keperluan untuk melindungi Islam sebagai agama Malaysia seperti yang dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan dan seterusnya berhujah bahawa keputusan Mahkamah Tinggi adalah tidak adil.

4.2.4 Keputusan Mahkamah

1. Mahkamah Tinggi

Pada 31 Disember 2009, Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan pemohon untuk semakan kehakiman dan antara lain, perintah berikut:

- (a) Perintah untuk membatalkan keputusan menteri bertarikh 7 Januari 2009 bahawa permit penerbitan pemohon dari tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009 adalah tertakluk pada syarat, pemohon adalah dilarang menggunakan kalimah

Allah dalam *The Herald*, sementara menunggu keputusan mahkamah mengenai perkara tersebut; dan

- (b) bersama, Mahkamah Tinggi memberi deklarasi seperti berikut:
- (i) bahawa keputusan menteri bertarikh 7 Januari 2009, permit penerbitan pemohon dari tempoh 1 Januari 2009 sehingga 31 Disember 2009 adalah tertakluk pada syarat, pemohon adalah dilarang menggunakan kalimah Allah dalam *The Herald*, sementara menunggu keputusan mahkamah mengenai perkara tersebut adalah tidak sah dan batal;
 - (ii) bahawa menurut Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan pemohon mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan perkataan Allah dalam 'Herald -- The Catholic Weekly' dalam melaksanakan haknya bahawa agama selain Islam boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan;
 - (iii) bahawa Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan tidak memberi kuasa dan/atau memberi kuasa kepada responden untuk melarang pemohon daripada menggunakan perkataan Allah dalam *The Herald*;
 - (iv) bahawa Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan, pemohon mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan perkataan Allah dalam *The Herald* dalam mengamalkan hak kebebasan bersuara pemohon;
 - (v) bahawa Perkara 11, Perlembagaan Persekutuan, pemohon mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan perkataan Allah dalam *The Herald* bagi mengamalkan hak kebebasan beragama di mana termasuk hak untuk menguruskan hal ehwal agamanya; dan

(vi) bahawa menurut Perkara 11 dan 12, Perlembagaan Persekutuan, pemohon mempunyai hak perlembagaan untuk menggunakan perkataan Allah dalam *The Herald* bagi mengamalkan haknya untuk menubuhkan dan mendidik jemaah Katolik dalam agama Kristian.

Mahkamah Tinggi juga menyetepikan permohonan responden ketiga hingga kesembilan daripada diperdengarkan.

2. Mahkamah Rayuan

(a) Responden telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan kerana tidak berpuas hati dengan keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi yang bertarikh 31 Disember 2009. Responden ketiga hingga kesembilan juga melakukan rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi yang menyetepikan permohonan mereka daripada didengarkan.

(b) Pada 14 Oktober 2013, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan responden dan perintah Mahkamah Tinggi telah diketepikan dengan sewajarnya.

(c) Mahkamah Rayuan memberi deklarasi seperti berikut:

(i) Permit penerbitan bersyarat yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri adalah berperlembagaan berdasarkan Seksyen 9 Enakmen 1 Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan Di Kalangan Orang Islam) 1988. Diikuti dengan hujah bahawa kalimah Allah itu adalah berkait dengan Islam dan Islam pula sememangnya adalah agama Persekutuan.

(ii) Perkara 10, 11 dan 12, Perlembagaan Persekutuan: Mahkamah menyetepikan keputusan Mahkamah Tinggi dengan menyatakan bahawa ia berkait dengan Perkara 11(5) yang mana tidaklah membenarkan apa-apa

perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang am yang berhubung dengan ketenteraman awam, kesihatan awam atau prinsip moral.

(iii) Hakim berpendapat bahawa Mahkamah Tinggi tidak sepatutnya melayan cabaran tentang kesahihan atau perlembagaan peruntukan yang ditakrifkan untuk dua sebab:

- Ketidakpatuhan prosedur dalam subseksyen 3 dan 4 perkara 4, Perlembagaan Persekutuan dan kerana kehendak perundangan.
- Persoalan perlembagaan yang diajukan dalam permohonan ini membabitkan hak-hak yang dijamin oleh Perkara 3,8,10,11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, hakim menekankan bahawa persoalan ini merujuk kepada penggunaan perkataan Allah di dalam *The Herald*. Hakim berpendapat bahawa persoalan ini tidak boleh dipertimbangkan secara berasingan tanpa mengambil peruntukan. Oleh itu hakim berpendapat bahawa cabaran ke atas kesahihan dan Perlembagaan Persekutuan tidak boleh dibuat atas sebab-sebab yang dinyatakan sebelum ini.

3. Mahkamah Persekutuan

Setelah keputusan Mahkamah Rayuan tidak memihak kepada pemohon, mereka telah memohon kelulusan merayu daripada Mahkamah Persekutuan. Keputusan Mahkamah Persekutuan:

- (a) Mahkamah Persekutuan menolak permohonan gereja untuk mendapatkan kelulusan merayu bagi penarikan balik larangan kerajaan tentang penggunaan kalimah Allah bagi merujuk kepada tuhan dalam edisi bahasa Melayu *The Herald*.

(b) Perkara 11 dan 12 Perlembagaan Persekutuan, *The Herald* tidak mempunyai hak di sisi perlembagaan untuk menggunakan kalimah Allah bagi alasan keagamaan dan pendidikan dalam kalangan penganut Kristian:

(i) Mahkamah Rayuan diketuai Hakim Mahkamah Persekutuan Hakim Mohamad Apandi, yang menganggotai panel tiga anggota, berkata mahkamah mendapati kalimah Allah tidak pernah menjadi bahagian penting dalam amalan kepercayaan agama Kristian. Mengambil faktor sejarah dan keagamaan, beliau tidak mendapati wujudnya sebab munasabah kenapa ketua paderi Roman Catholic tegas untuk menggunakan kalimah Allah dalam penerbitan mingguan *The Herald*.

(c) Keputusan Kementerian Dalam Negeri yang melarang penggunaan tersebut adalah tidak salah dari segi undang-undang.

4.3 Jill Ireland binti Lawrence Bill v Menteri Bagi Kementerian dalam Negeri Malaysia & Anor

Kes kedua yang melibatkan kalimah Allah di Malaysia adalah kes Jill Ireland Lawrence Bill. Kes ini telah menyebabkan ramai pihak ikut memberi perhatian dan menyuarakan kebimbangan akan penggunaan kalimah suci itu oleh penganut Kristian. Sebelum penulis mengkaji keputusan bagi kes-kes kalimah Allah menurut *maqāṣid sharī'ah*, dalam sub bab ini penulis akan menelusuri fakta kes bagi kes Titular Roman Catholic Archbishop, isu dalam fakta kes, hujah pemohon dan responden serta keputusan mahkamah bagi kes tersebut.

4.3.1 Fakta Kes

Pada 10 Mac 2021, Mahkamah Tinggi Mālaya Kuala Lumpur telah membuat keputusan bagi kes Ireland Lawrence Bill dan Menteri Bagi Kementerian Dalam Negeri Malaysia dan Kerajaan Malaysia. Kes ini melibatkan pemohon iaitu seorang wanita warganegara Malaysia yang berasal dari Sarawak dan beragama Kristian manakala responden adalah menteri bagi Kementerian Dalam Negeri dan lain-lain. Satu arahan telah dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri bertarikh 5 Disember 1986 (arahan yang disangkal) kepada kesemua penerbitan kristian berhubung “Penggunaan Istilah/ Perkataan Yang digunakan Dalam Penerbitan Agama Kristian Berbahasa Malaysia”. Arahan tersebut menyatakan bahawa kalimah “Al-Kitab”, “Firman”, “Rasul”, “Syariat”, “Iman”, “Ibadah”, “Injil”, “Wahyu”, “Nabi”, “Zikir” dan “Doa” adalah dibenarkan kegunaannya dan “Sekiranya penerbitan tersebut berbentuk buku atau risalah yang hendak disebarikan atau dijual perkataan “UNTUK AGAMA KRISTIAN”, disyaratkan ditulis di kulit luar (muka depan) buku atau risalah tersebut”. 4 kalimah “Allah”, “Kaabah”, “Baitullah” dan “Solat” adalah dilarang.

Pada 11 Mei 2008, Jill Ireland telah menaiki pesawat dari Jakarta, Indonesia dan mendarat di Terminal Tambang Murah, Sepang (LCCT) dengan membawa 8 audio CD bersamanya yang setiap satu bertajuk:

- a. Cara Menggunakan Kunci Kerajaan Allah
- b. Cara Hidup Dalam Kerajaan Allah
- c. Ibadah Yang Benar Dalam Kerajaan Allah
- d. Metode Pemuridan Kerajaan Allah
- e. Pribadi Yang Tumbuh Dalam Kerajaan Allah
- f. Hidup Benar Dalam Kerajaan Allah
- g. Pemerintahan Kerajaan Allah Dalam Hidup Kita

h. Rahasia Kerajaan Allah

Seorang Pegawai Kastam telah menahan kelapan-lapan audio CD yang dibawa oleh Jill Ireland atas alasan kelapan-lapan audio CD tersebut tertera kalimah Allah dan kes tersebut telah dirujuk ke Kementerian Dalam Negeri Bahagian Kawalan Penerbitan.

Seterusnya, pada 7 Julai 2008, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan satu perintah penahanan di bawah Seksyen 9 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 untuk menahan 8 audio CD tersebut. Pemohon yang tidak berpuas hati dengan keputusan Kementerian Dalam Negeri, telah menfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan beberapa tuntutan. Pada 21 Julai 2014, Hakim Mahkamah Tinggi iaitu YB Puan Sri Dato' Zaleha binti Yusof hanya membenarkan 2 tuntutan daripada tuntutan-tuntutan pemohon iaitu membatalkan keputusan Kementerian Dalam Negeri dan meminta untuk mengembalikan 8 audio CD yang dirampas kepada pemohon.

Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 22 Julai 2014, manakala Jill Ireland pula telah menfailkan rayuan balas kepada Mahkamah Rayuan untuk meneliti tuntutan-tuntutan lain yang telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos 2014. Pada 23 Jun 2015, Keputusan Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa keputusan Mahkamah Tinggi tentang tuntutan Jill Ireland yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi adalah betul dan pihak Kementerian Dalam Negeri tidak lagi meneruskan rayuan ke peringkat Mahkamah Persekutuan menjadikan keputusan tersebut adalah muktamad. Manakala keputusan rayuan yang telah difailkan oleh Jill Ireland, Mahkamah Rayuan tidak membenarkan kalimah Allah digunakan akan tetapi telah meminta 2 tuntutan daripada tuntutan rayuan pemohon yang tidak dibenarkan oleh

Mahkamah Tinggi, dihantar semula dan diputuskan di depan Hakim Mahkamah Tinggi yang lain.

4.3.2 Isu dalam Fakta Kes

Isu dalam kes ini tersebut seperti berikut:

(a) Adakah larangan penggunaan perkataan Allah oleh Kementerian dalam Negeri kepada 8 Audio CD Jill Ireland melanggar peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan, perkara:

(i) Perkara 11: Seperti yang ditetapkan dalam Perkara 11 Perlembagaan, jelas menjelaskan bahawa setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agamanya dan menyebarkannya.

(ii) Perkara 12: Setiap kumpulan agama mempunyai hak untuk menubuhkan dan mengekalkan institusi pendidikan kanak-kanak mengikut agamanya, dan tidak boleh ada diskriminasi atas dasar agama dalam mana-mana undang-undang yang berhubung dengan institusi tersebut atau dalam pentadbiran mana-mana undang-undang.

(b) Sama ada tindakan pegawai kanan yang diberi kuasa menandatangani surat bertarikh 7 Julai 2008 adalah dalam lingkungan had kuasa yang ditetapkan oleh Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (1984), Seksyen 9 dan Seksyen 9A akta tersebut yang menyatakan bahawa kuasa Menteri boleh diwakilkan kepada pihak berkuasa bawahan.

(c) Sama ada kuasa budi bicara telah disalahgunakan oleh pihak berkuasa. Penahanan 8 audio CD tersebut bertujuan menjaga ketenteraman awam dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam dan Kristian adalah tidak munasabah

4.3.3 Hujah Pemohon dan Responden

1. Hujah Pemohon

(a) Pemohon mengesahkan bahawa arahan itu adalah bercanggah dengan Perlembagaan di bawah Perkara 11 yang mendakwa bahawa arahan itu menyalahi undang-undang kerana dia mempunyai hak untuk menyebarkan agama Kristian.

(b) Pemohon mendakwa bahawa penahanan CD tersebut menyalahi Perkara 12, Perlembagaan Persekutuan di mana dia percaya bahawa Perkara 12 memberikannya hak untuk menggunakan kelapan audio CD yang mengandungi perkataan Allah untuk tujuan pendidikan.

(c) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, pemohon dijamin hak kesamarataan dari segi undang-undang dan dilindungi daripada sebarang diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama khususnya dalam pentadbiran undang-undang iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Kastam 1967.

(d) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 8 dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, beliau berhak menggunakan atau terus menyambung menggunakan kalimah Allah dan mempunyai akses termasuk hak memiliki, menggunakan dan mengimport penerbitan yang mengandungi kalimah Allah didalamnya termasuklah 8 audio CD yang telah dirampas dalam melaksanakan kebebasannya dalam beragama.

2. Hujah Responden

Menteri pada masa tersebut adalah Syed Hamid B.S. Jaafar Albar. Beliau memberi justifikasi dalam keputusannya untuk merampas 8 audio CD tersebut:

- (a) Suatu Arahan Kerajaan bertarikh 19/5/1986 telah dikeluarkan melarang sama sekali penggunaan istilah Allah, Kaabah, Solat dan Baitullah di dalam penerbitan Al-Kitab;
- (b) Selanjutnya pada 5/12/1986, Kerajaan telah mengeluarkan suatu arahan khusus bagi semua penerbitan Kristian bahawa penggunaan istilah Allah, Kaabah, Solat dan Baitullah adalah dilarang sama sekali di dalam semua penerbitan;
- (c) Antara sebab larangan empat (4) perkataan tersebut adalah untuk mengelakkan berlakunya salah faham di antara penganut Islam dengan penganut Kristian yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam serta menimbulkan sensitiviti keagamaan di kalangan rakyat Malaysia; dan
- (d) Arahan bertarikh 5/12/1986 tersebut masih berterusan dan tidak pernah ditarik balik.

4.3.4 Keputusan Mahkamah

1. Mahkamah Tinggi

Pemohon atau dikenali sebagai Jill Ireland tidak berpuas hati dengan keputusan Kementerian Dalam Negeri, telah menfailkan permohonan semakan kehakiman di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dengan beberapa tuntutan dan 6 tuntutan penting daripadanya adalah:

- (a) Perintah untuk membatalkan keputusan Kementerian Dalam Negeri yang telah merampas 8 audio CD pemohon melalui surat yang bertarikh 7 Julai 2008.
- (b) Perintah kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengembalikan semula 8 audio CD kepada pemohon.

- (c) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu ianya adalah hak perlembagaan pemohon untuk mengimport 8 audio CD tersebut dalam haknya untuk mengamalkan ilmu agama dan hak untuk mempelajari agama.
- (d) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, pemohon dijamin hak kesamarataan dari segi undang-undang dan dilindungi daripada sebarang diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama khususnya dalam pentadbiran undang-undang iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Kastam 1967.
- (e) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 8 dan Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan, beliau berhak menggunakan atau terus menyambung menggunakan kalimah Allah dan mempunyai akses termasuk hak memiliki, menggunakan dan mengimport penerbitan yang mengandungi kalimah Allah didalamnya termasuklah 8 audio CD yang telah dirampas dalam melaksanakan kebebasannya dalam beragama.
- (f) Memohon pengisytiharan harapan sah pemohon untuk melaksanakan haknya dalam menggunakan atau terus menyambung menggunakan kalimah Allah dan terus mempunyai hak untuk memiliki, menggunakan dan mengimport bahan-bahan yang diterbitkan tidak kira kalimah Allah digunakan atau tidak termasuk 8 audio CD yang dirampas oleh Kementerian Dalam Negeri dalam melaksanakan haknya mengamalkan agama.

Pada 21 Julai 2014, Hakim Mahkamah Tinggi iaitu YB Puan Sri Dato' Zaleha binti Yusof hanya membenarkan 2 tuntutan daripada tuntutan-tuntutan pemohon iaitu tuntutan (a) membatalkan keputusan Kementerian Dalam Negeri yang telah merampas 8 audio CD pemohon melalui surat yang bertarikh 7 Julai 2008 dan tuntutan (b) Perintah

kepada Kementerian Dalam Negeri untuk mengembalikan semula 8 audio CD kepada pemohon manakala tuntutan lain adalah tidak dibenarkan.

2. Mahkamah Rayuan

Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi yang mengatakan tindakan mereka itu tidak sah dan meminta pihak Kementerian mengembalikan kembali 8 audio CD yang telah dirampas kepada pemohon, telah menfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan pada 22 Julai 2014, manakala Jill Ireland pula telah menfailkan rayuan balas kepada Mahkamah Rayuan untuk meneliti tuntutan-tuntunan lain yang telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 15 Ogos 2014.

Pada 23 Jun 2015, Keputusan Mahkamah Rayuan mengatakan bahawa keputusan Mahkamah Tinggi tentang tuntutan (a) dan tuntutan (b) pemohon adalah betul dan pihak Kementerian Dalam Negeri tidak lagi meneruskan rayuan ke peringkat Mahkamah Persekutuan menjadikan keputusan tersebut adalah muktamad. Manakala keputusan rayuan yang telah difailkan oleh Jill Ireland, Mahkamah Rayuan tidak membenarkan kalimah Allah digunakan akan tetapi telah meminta 2 tuntutan daripada tuntutan rayuan pemohon yang tidak dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi, di hantar semula dan diputuskan di depan Hakim Mahkamah Tinggi yang lain iaitu tuntutan (c) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu ianya adalah hak perlembagaan pemohon untuk mengimport 8 audio CD tersebut dalam haknya untuk mengamalkan ilmu agama dan hak untuk mempelajari agama dan tuntutan (d) Memohon pengisytiharan mengikut Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, pemohon dijamin hak kesamarataan dari segi undang-undang dan dilindungi daripada sebarang diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama khususnya dalam

pentadbiran undang-undang iaitu Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Kastam 1967.

3. Mahkamah Tinggi

Sebelum 2 tuntutan tersebut didengar semula di Mahkamah Tinggi, Ireland telah membuat permohonan untuk melakukan beberapa pindaan dan pindaan penting yang dimohon adalah dengan menambahkan 2 anak tuntutan di bawah tuntutan (d) iaitu:

(d)(A) Pengisytiharan pemohon bersama-sama anak Bumiputera Sabah dan Sarawak yang beragama Kristian mempunyai hak perlembagaan untuk mengamalkan agama kristian secara bebas tanpa sebarang halangan termasuk hak untuk menggunakan istilah-istilah keagamaan didalam bahasa Melayu dan Indonesia dengan cara yang sama mereka telah gunakan semasa Sabah dan Sarawak menyertai Mālaya untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963.

(d)(B) Pengisytiharan bahawa naratif yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri yang bertarikh 5 Disember 1986 adalah tidak sah dan tidak berpelembagaan.

Permohonan pemohon untuk meminda dan memasukkan tuntutan (d)(A) adalah tidak dibenarkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi dan hanya tuntutan (d)(B) yang dibenarkan. Perkara ini kerana tuntutan (d)(A) adalah sama dengan tuntutan (e) dan (f) dimana hanya ayat mereka diparafrasa dan tuntutan berikut tidak diminta semakan oleh Mahkamah Rayuan. Tuntutan (d)(B) menggerakkan Mahkamah Tinggi untuk meneliti kembali naratif yang bertarikh 5 Disember 1986.

Pada awal tahun 1986, Timbalan Perdana Menteri pada masa itu iaitu Allahyarham Encik Ghafar Baba dan 2 lagi ahli kabinet telah diarahkan oleh kabinet untuk menentukan istilah atau perkataan Islam yang boleh digunakan dan tidak boleh

digunakan oleh orang bukan Islam di dalam Al-Kitab (rujuk LAMPIRAN A). Keputusan daripada perbincangan tersebut adalah seperti berikut (rujuk LAMPIRAN A):

Perkataan yang boleh digunakan adalah:

- i. Al-Kitab
- ii. Firman
- iii. Rasul
- iv. Syariat
- v. Iman
- vi. Ibadah
- vii. Injil
- viii. Wahyu
- ix. Nabi
- x. Syukur
- xi. Zikir
- xii. Doa

Perkataan yang tidak boleh digunakan:

- i. Allah
- ii. Kaabah

iii. Baitullah

iv. Solat

Dengan syarat di kulit luar iaitu muka depan buku-buku itu ditulis perkataan “UNTUK AGAMA KRISTIAN”.

Lanjutan daripada keputusan kabinet tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan satu naratif bertarikh 5 September 1986 (rujuk LAMPIRAN B) yang mana naratif tersebut adalah naratif yang telah dipohon oleh Jill Ireland di dalam tuntutan untuk mengisytiharkan bahawa naratif tersebut adalah tidak sah dan tidak berpelembagaan. Naratif tersebut tertulis bahawa 12 perkataan yang boleh digunakan oleh orang kristian seperti yang tertulis dalam keputusan kabinet boleh digunakan dalam penerbitan agama kristian dengan syarat di kulit luar buku atau risalah tersebut tertulis “UNTUK AGAMA KRISTIAN”, manakala 4 perkataan yang tidak boleh digunakan oleh orang kristian seperti yang tertulis didalam keputusan kabinet adalah tidak boleh dipakai atau digunakan dalam semua penerbitan Kristian di Malaysia.

Pada 10 Mac 2021, Hakim Mahkamah Tinggi mengisytiharkan bahawa naratif yang bertarikh 5 September 1986 itu tidak sah dengan alasan:

(a) Naratif tersebut bercanggah dengan keputusan Jemaah Menteri. Ini kerana menurut tafsiran Hakim Datuk Nor Bee di Mahkamah Tinggi, syarat yang disebutkan dalam keputusan tersebut hanya terpakai kepada 4 perkataan yang tidak boleh digunakan oleh orang kristian manakala 12 lagi perkataan yang boleh digunakan oleh orang kristian adalah terkecuali daripada syarat ini.

(b) Naratif tersebut bukanlah satu undang-undang subsidiari dan tidak dinyatakan dibawah mana-mana peruntukan dibawah Akta Mesin Cetak 1984 naratif tersebut dikeluarkan.

(c) Naratif tersebut bertentangan dengan Warta Kerajaan pada tahun 1982 yang dikeluarkan dibawah ISA 1960, PU (A) 134/1982 yang membenarkan pemilikan dan penggunaan Al-Kitab terjemahan Bahasa Melayu atau Indonesia oleh orang kristian dalam gereja sahaja dan terdapat perkataan Allah dalam Al-Kitab tersebut.

(d) Melalui affidavit yang di failkan oleh pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia, tiada bukti yang boleh dipercayai daripada pihak berkuasa yang bertanggungjawab yang menunjukkan bahawa ketenteraman dan keselamatan awam mungkin akan terjejas sekiranya larangan penggunaan kalimah Allah dan 3 perkataan lain tidak dibuat dalam naratif tersebut.

(e) Tiada keterangan yang dikemukakan oleh Kementerian Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia bahawa sekiranya larangan penggunaan kalimah 'Allah' dan 3 lagi perkataan tidak dibuat di dalam naratif tersebut ianya akan menimbulkan kekeliruan, salah faham dan menimbulkan sensitiviti keagamaan diantara penganut agama Islam dan Kristian di negara ini sehingga ia boleh mengancam keselamatan awam.

Tindakan Kementerian Dalam Negeri merampas dan menahan 8 audio CD pemohon diasaskan kepada naratif yang tidak sah, maka tindakan Kementerian Dalam Negeri itu juga tidak sah dan tidak berpelembagaan dan telah melanggar hak berpelembagaan pemohon untuk mengimport 8 audio CD tersebut sebagai manifestasi kepada kebebasan beragama, kebebasannya untuk mempelajari agamanya dan ianya terjumlah kepada diskriminasi terhadap Jill Ireland dalam melaksanakan Akta Mesin Cetak 1984. Atas dasar itu, mahkamah membenarkan tuntutan (c) dan tuntutan (d).

4.4 Kesimpulan

Perbincangan dalam bab analisa penghakiman Mahkamah Tinggi Malaysia dalam kes penggunaan kalimah Allah ini terbahagi kepada 2 keputusan kes iaitu kes Roman Catholic Archbishop v Menteri Dalam Negeri dan kes Jill Ireland Lawrence Bill v Kementerian Dalam Negeri. Kesimpulan bagi keputusan kehakiman kes Roman Catholic Archbishop v Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada peringkat awal di Mahkamah Tinggi, keputusan telah memihak kepada pemohon iaitu Roman Catholic dengan alasan ia merupakan hak perlembagaan pemohon dan agama Islam sebagai agama persekutuan tidak boleh dijadikan sebab kalimah Allah itu dilarang daripada digunakan. Pada peringkat rayuan yang telah dikemukakan oleh KDN di Mahkamah Rayuan, keputusan telah memihak kepada KDN dengan alasan bahawa perintah untuk melarang penggunaan kalimah Allah dalam *The Herald* oleh KDN adalah sah dibawah kuasa Kementerian tersebut dan bahawa kalimah Allah itu sememangnya sinonim penggunaannya dalam agama Islam dan Islam pula adalah agama Persekutuan. Keputusan pada akhirnya diputuskan dibawah Mahkamah Persekutuan dan ia juga memihak kepada KDN dan mengetepikan tuntutan Roman Catholic.

Bagi kes Jill Ireland Lawrence Bill v Kementerian Dalam Negeri, diperingkat Mahkamah Tinggi, Jill Ireland telah membuat beberapa tuntutan tetapi tuntutan yang dibenarkan hanyalah dua dan keputusan memihak kepada pemohon. Seterusnya pihak KDN telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan namun ditolak kerana 2 tuntutan Jill Ireland yang dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi dikatakan munasabah dan benar menjadikan keputusan itu muktamad. Kemudian 2 lagi tuntutan Jill Ireland telah dibawa ke Mahkamah Tinggi semula setelah diarahkan oleh Mahkamah Rayuan supaya tuntutan itu disemak semula dan akhirnya mahkamah memutuskan bahawa Naratif bertarikh 5 September 1986 yang digunakan oleh KDN adalah tidak sah. Keputusan

tersebut telah menatijahkan penggunaan kalimah Allah dan 3 lagi kalimah oleh penganut Kristian dalam pendidikan mereka adalah dibenarkan.

